



BANJIR... Lebih ramai mangsa banjir di daerah Beaufort, Kota Kinabalu dijangka dipindahkan ke pusat pemindahan banjir memandangkan air di Sungai Padas kini melimpah masuk ke kampung-kampung.

Mengikut rekod, seramai 279 penduduk dari enam buah kampung iaitu Binunuk, Balibata, Bekalau, Gimpanga Ulu, Malulugus dan Bangkalalak telah berpindah.

Walaupun paras air Sungai Padas telah turun ke paras 9.46 meter petang semalam, air sungai itu masih melebihi paras bahaya iaitu pada 8.70 meter.

● **SEBAHAGIAN** jalan raya di tengah-tengah pekan Beaufort ditenggelami air berikutan air Sungai Padas naik, semalam.

– Gambar ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN